

# Raih kontrak RM200j

Peserta perlu ambil peluang Maha 2012 untuk tembusi pasaran antarabangsa

FOTO | Mohd Fadli Hamzah

>>Oleh Hayati Ibrahim  
ya\_t@hmetro.com.my

**P**UTRAJAYA: Pameran Antarabangsa Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (Maha) 2012 bukan sajanya memberi peluang kepada peserta mendapatkan jualan secara terus, malah dilihat medan terbaik untuk mereka meraih kontrak jangka panjang dari syarikat luar negara.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar berkata, kontrak jangka panjang yang bakal diperoleh sepanjang program itu amat penting kerana ia memberi peluang kepada petani atau usahawan tempatan menembusi pasaran antarabangsa.

"Pada Maha 2010, pameran itu berjaya meraih kontrak jangka panjang berjumlah RM153 juta. Tahun ini, kita yakin jumlah itu dapat ditingkatkan kepada RM200 juta, memandangkan lebih ramai peserta dari negara luar yang terbabit.

"Inilah peluang yang perlu diambil peserta tempatan untuk meneroka pasaran luar negara dengan menjadi ejen syarikat berkenaan untuk membekalkan barang-



BERKHASIAH...Noh (dua dari kiri) menunjukkan buah-buahan tempatan ketika prapelancaran Maha 2012 bersama Hashim (dua dari kanan), semalam.

diingini," katanya pada sidang media selepas melancarkan prapelancaran Maha 2012 dan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK), di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Hashim Abdullah dan Ketua Pengarah Mardi, Datuk Dr Abd Shukor Abd Rahman.

Maha 2012 yang bertema-

kan 'Transformasi Pertanian Melalui Inovasi' akan diadakan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (Maeps), Selangor selama 10 hari bermula 23 November hingga 2 Disember depan, dengan turut disertai peserta antarabangsa dari 30 negara.

Antara negara yang sudah mengesahkan penyertaan ialah Afghanistan, Vietnam,

Singapura, Korea Selatan, India, Qatar dan Sri Lanka.

Pelbagai aktiviti disusun sepanjang program itu, termasuk pameran aktiviti agensi di bawah naungan kementerian seperti perikanan, ternakan, bunga-bunga, jentera, sayuran, beras dan nanas, di samping siri seminar bagi menggalakkan remaja terbabit dalam sektor pertanian.

Noh berkata, bersandarkan program lebih tersusun dan penyertaan peserta yang lebih ramai, beliau yakin dapat menarik kira-kira tiga juta pengunjung pada tahun ini, berbanding 2.66 juta pada 2010.

Sehubungan itu katanya, dengan sambutan menggalakkan itu beliau juga menyasarkan jumlah jualan terus diperolehi peserta meningkat kepada RM30 juta, berbanding RM23 juta sebelum ini.

Menurutnya, Maha 2012 dijangka mencapai matlamat seperti disasarkan kerana ia memberi tumpuan dalam pelbagai aspek sama ada membabitkan hasil pertanian terkini dari segi teknologi, mahupun transaksi dan padanan perniagaan diperolehi.

"Kita berharap peserta luar negara akan membawa teknologi terbaru mereka, kita akan memperkenalkan hasil keluaran serta teknologi yang ada di sini.

"Jadi, ia menjadi medan perjumpaan antara ahli perniagaan yang terbabit dalam sektor pertanian dan industri asas tani serta pencipta teknologi moden dalam sektor pertanian," katanya.